

### SURAT BERITA DOA

#### SATU PANGGILAN DOA UNTUK MALAYSIA

**Kesatuan Doa (Prayer United)** ditubuhkan sempena Tahun Jubli untuk menggerakkan umat Kristian agar berdoa tanpa henti untuk **pemulihan Gereja dan transformasi Negara**.

Kami memohon agar semua pendoa syafaat terus bertekun dalam doa, agar Allah membuka langit syurga, menunjukkan kemuliaanNya, dan mencurahkan kuasaNya ke atas negara kita. Marilah kita menuntut janji-Nya bahawa "dan umat-Ku, yang atasnya nama-Ku disebut, merendahkan diri, berdoa dan mencari wajah-Ku, lalu berbalik dari jalan-jalannya yang jahat, maka Aku akan mendengar dari sorga dan mengampuni dosa mereka, serta memulihkan negeri mereka." (2 Tawarikh 7:14). Marilah kita memohon Tuhan agar menjawab doa kita untuk perkara-perkara berikut:

- **Kekudusan Dan Kebenaran Dalam Gereja** – Berdoa agar Gereja di Malaysia boleh menjadi sebuah komuniti yang bernubuat, memberi impak kepada masyarakat bila kita menjalani kehidupan Kristian yang sejati dan berghairah serta menjadi garam dan terang kepada negara. Hanya dengan demikian gereja dapat bertindak dan bersuara dengan penuh kredibiliti dan mempunyai autoriti moral sehingga boleh diambil secara serius oleh pemimpin negara.
- **Gereja yang Bersatu dan yang Mencerminkan Identiti Malaysia** – Berdoa agar umat Kristian akan berusaha untuk mengekalkan kesatuan iman, memeluk perdamaian dan pemulihan, menyingkirkan sekatan yang dibudayakan dan menjadi satu contoh dalam menyatukan semua kaum, bahasa dan budaya di bawah Ketuhanan Yesus, serta menjadi model yang baik untuk perdamaian etnik di negara kita.
- **Mengejar Pemuridan yang Benar**- Berdoa agar umat Kristian akan memahami maksud sebenar menjadi pengikut Yesus, dan sanggup memikul kayu salibnya setiap hari dan mengalami penderitaan untuk Kristus. Berdoa agar ramai umat Kristian dalam bidang profesional dan pelajar universiti yang belajar di luar negara akan pulang dengan visi yang jelas untuk membangunkan gereja dan negara.
- **Gereja Peribumi yang Diperkasakan dan Bertumbuh** – Berdoa untuk gereja di Sabah, Sarawak dan Gereja Orang Asli di Semenanjung, agar terus bertumbuh dan diperkuatkan, dan agar pemimpin yang berani dan takut akan Tuhan akan dibangkitkan.

- **Pemulihan Ekonomi** – Berdoa agar Tuhan akan terus memberkati negara kita dengan memberi pemimpin negara hikmat untuk mengemudi negara kita pada masa kegawatan ekonomi dan kejatuhan harga komoditi. Berdoa untuk pembahagian kekayaan negara yang sama rata dan saksama bagi semua kaum dan juga memberikan layanan yang adil terhadap orang asing dan pelarian. Berdoa untuk pembentukan dasar-dasar yang lebih baik dan perbelanjaan yang cermat. Berdoa menentang laknat rasuah, islamisasi yang menjalar dan penyalahgunaan kuasa.
- **Kebebasan Institusi Kerajaan** – Berdoa untuk perlindungan kebebasan institusi-institusi seperti Bank Negara Malaysia (BNM), suruhan-jaya anti- rasuah (MACC), Jabatan Audit Negara (JAN) dan pihak kehakiman daripada usaha-usaha tipu helah yang menggugat keluhuran Perlembagaan Persekutuan, kebebasan dan hak asasi, prinsip-prinsip demokrasi dan kedaulatan undang-undang di negara kita. Berdoa untuk pegawai kerajaan yang saleh dan jujur yang boleh bekerja dengan berani tanpa rasa takut atau pilih kasih. Berdoa untuk pemimpin yang benar dan bersih yang akan menegakkan proses-proses demokrasi institusi selain memulihkan nilai dan integriti khususnya di Parlimen.
- **Pemulihan Kebenaran di Negara**– Berdoa untuk satu transformasi yang penuh berkuasa yang akan membawa kepada pemulihan keadilan dan kebenaran di Malaysia. Berdoa agar Malaysia boleh berpulih daripada tahun yang penuh skandal. Berdoa agar sebarang kejahatan di kalangan pihak berkuasa didedahkan, agar keadilan ditegakkan.

## PERKARA DOA UNTUK BULAN INI:

### 1. Kabinet Negeri Sarawak Baru

- a. Kabinet Negeri Sarawak yang baru dipilih telah diumumkan pada 13 Mei 2016 dengan 10 menteri kabinet berserta 3 timbalan menteri dalam membantu Ketua Menteri Tan Sri Adenan Satem, yang juga telah menamakan dirinya sebagai Menteri Kewangan dan Menteri Perancangan Sumber dan Alam Sekitar.
- b. Berdoalah untuk Kabinet Negeri Sarawak baru di bawah kepimpinan Ketua Menteri Sarawak Tan Sri Adenan Satem. Berdoalah bahawa para lelaki dan wanita yang dipilih akan menjadi orang yang berintegriti, yang tidak akan tunduk kepada rasuah politik wang serta melindungi hak-hak rakyat Sarawak daripada segi autonomi dan kebebasan beragama. Berdoalah untuk campur tangan Tuhan serta dalam menghadapi gangguan daripada Kerajaan Persekutuan yang tidak membantu.

- c. Berdoa untuk perlindungan perlembagaan terus yang menyentuh isu kebebasan beragama yang telah dipersetujui semasa pembentukan Malaysia pada tahun 1963. Di samping mengambil kira bahawa dua pertiga daripada rakyat Sarawak adalah bukan Islam, berdoa agar berikutan daripada kes Roneey Rebit tersebut, bahawa janji untuk membuat kajian baru terhadap kes-kes yang bersamaan akan ditangani dengan adil akan dipenuhi.

## **2. Media dan Kebebasan Media dalam Talian**

- a. Berdoalah untuk ruangan media agar pihak yang bekerja dalam sektor media akan berpegang teguh kepada etika profesional mereka dan berintegriti dalam melaporkan kebenaran. Berdoa agar kerajaan akan memastikan semua undang-undang, yang sedia ada dan akan datang, akan menghormati kebebasan bersuara dengan sepenuhnya, termasuklah dalam penggunaan Internet sekali.
- b. Berdoalah terutamanya bagi undang-undang yang merangkumi ruangan media terutamanya Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 (AKM) dan Akta Rahsia Rasmi (OSA). Pindaan kepada CMA dijangka akan dibentangkan pada persidangan Parlimen yang akan datang. Berdoa agar kerajaan akan mengambil perhatian kepada suara pelbagai pertubuhan hak asasi manusia. Berdoa untuk pencegahan dalam percubaan menyekat kebebasan bersuara dalam laman web atau atas talian melalui cara-cara (a) mengawal selia kandungan dalam talian; (B) perlesenan dan pendaftaran kehendak bagi pemberi berita dan blogger; (C) Penguatkuasaan tambahan; (D) Mennambahkan jurang dalam melakukan pelbagai kesalahan; dan (e) mengenakan denda yang lebih tinggi dan hukuman yang lebih berat bagi kesalahan yang sedia ada.

## **3. Sidang Parlimen**

- a. Mesyuarat ke-2 Sesi ke-4 Ketiga Belas Parlimen 2016 bermula Mei 16, Dewan Rakyat (Dewan Rakyat) akan bersidang selama 8 hari hingga 26 Mei manakala Senat (Dewan Negara) akan bersidang selama 6 hari dari 13 Jun hingga 21 Jun.
- b. Berdoalah untuk setiap bil dan setiap pindaan yang diperdebatkan, bahawa Tuhan Allah akan menghentikan pelaksanaan bil yang menekan dan menyekat hak-hak orang ramai. Berdoalah untuk semua Ahli Parlimen bahawa mereka akan berdebat, membuat keputusan dan mengundi

dengan mementingkan kebajikan rakyat dalam fikiran dan hati mereka, serta untuk menegakkan demokrasi berparlimen.

- c. Berdoalah untuk keadilan di negara ini agar kebenaran yang mempunyai hubungan dengan salah urus dana dalam pelbagai sektor kerajaan akan didedahkan, selain untuk mendapatkan kembali dana yang hilang.

#### **4. 1MDB dan Ekonomi Bangsa**

- a. Berdoalah untuk 1MDB, berdoalah untuk penyelesaian yang cepat dan adil. Sebagai pihak berkuasa dari kawasan dunia berlainan seperti Singapura dan Switzerland dalam menyiasat dan mempertimbangkan tindakan jenayah terhadap pengubahan wang haram dan pelanggaran perbankan dan pematuhan peraturan, kita berdoalah bahawa pihak berkuasa Malaysia akan memandang serius dan mengambil tindakan sewajarnya yang wajar tanpa rasa takut atau memihak kepada mana-mana pihak pun.
- b. Memandangkan bon 1MDB tidak membayar bayaran kupon mereka, besertakan Kementerian Kewangan yang telah mengumumkan pengambilan hutang 1MDB di bawah kerajaan, hal ini telah menambahkan bebanan kepada keadaan hutang negara, mewujudkan liabiliti kontingen; semua isu-isu ini akan menjejaskan status kedaulatan kita dan membawa kepada penurunan status negara kita. Berdoalah agar kebijaksanaan akan membinbing Kementerian Kewangan dalam situasi yang amat sukar ini.

#### **5. Berdoalah Menentang Ancaman Pengganas dan Pemberontakan**

- a. Berdoalah agar pihak berkuasa akan sentiasa bersedia dan berjaga-jaga dalam melindungi negara ini daripada ancaman pengganas di bandaraya-bandaraya seperti Kuala Lumpur, Putrajaya, Pulau Pinang dan di negeri Sabah, di mana ISIS sedang mengancam untuk menubuhkan sebuah Khalifah di Asia Tenggara. Berdoalah agar semua perancangan untuk mengukir-kacirkan Asia Tenggara akan gagal.
- b. Berdoalah untuk pemuda-pemudi Islam, agar mereka dilindungi daripada dihasut secara radikal oleh ideologi-ideologi puak pelampau yang cuba memerangkap mereka melalui kebencian, penakutan, penipuan, pengumpunan dan pemahaman yang salah terhadap kepercayaan mereka.

#### **6. Berdoalah untuk Orang Islam yang Menyambut Ramadhan**

- a. Berdoa untuk keamanan dan perlindungan bagi semua orang terutamanya umat Islam di negara kita di sepanjang bulan Ramadan ini. Berdoalah untuk persefahaman, kesabaran dan kasih sayang antara kaum, agama, agar dalam semua perundangan antara kumpulan, Tuhan akan dilibatkan dan ditinggikan. Berdoalah untuk penyemarakan dalam doa berkenaan dunia Islam dan untuk kasih sayang yang semakin mendalam bagi mereka semua.

### **Untuk Sekretariat Kesatuan Doa (PU)**

Chrisanne Chin  
Rev Andy Chi

Hubungi Kami: [prayerunited.my@gmail.com](mailto:prayerunited.my@gmail.com)